

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Rabu, 21 Februari 2024**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
STATISTIK ORANG KURANG UPAYA, MALAYSIA, 2022

674,548 orang kurang upaya berdaftar sehingga 2022 iaitu 2.0 peratus daripada penduduk Malaysia dengan OKU fizikal mencatatkan pendaftaran tertinggi 245,015 orang

PUTRAJAYA, 21 Februari 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Statistik Orang Kurang Upaya, Malaysia, 2022** yang merupakan penerbitan pertama dihasilkan memaparkan data berkaitan orang kurang upaya (OKU) di Malaysia.

Penerbitan ini meliputi enam bidang iaitu penduduk, kesihatan, pendidikan, guna tenaga, pendapatan dan perbelanjaan serta perkhidmatan kebajikan. Ketersediaan statistik OKU menyediakan input kepada kerajaan dalam menambahbaik dasar dan program serta keperluan sosioekonomi golongan OKU. Data terperinci mengikut bidang mampu memberikan maklumat yang lebih baik dalam penyediaan perancangan yang lebih bersasar.

Penerbitan ini mengandungi 49 jadual yang memaparkan statistik OKU merangkumi topik berkaitan pendaftaran warga OKU, akses kepada perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, keterlibatan OKU dalam pasaran kerja, maklumat pendapatan dan perbelanjaan serta kepelbagaiannya perkhidmatan kebajikan. Maklumat-maklumat ini diperoleh daripada pelbagai Kementerian dan Agensi.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Rabu, 21 Februari 2024**

Penemuan utama dari segi **penduduk** menunjukkan jumlah OKU yang berdaftar di Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga 2022 merekodkan 674 ribu orang dengan 36.3 peratus terdiri daripada OKU dalam kategori fizikal. Ini diikuti oleh kategori masalah pembelajaran (35.1%) dan masalah penglihatan (8.8%). Masalah pertuturan mencatatkan pendaftaran terendah iaitu 0.5 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Bagi mendapatkan maklumat dan data tentang OKU, beberapa kaedah boleh dilaksanakan iaitu melalui banci, survei dan data pentadbiran. World Health Organization (WHO) telah menganggarkan sejumlah 1.3 bilion orang mengalami kecacatan yang ketara sehingga Mac 2023 iaitu 16 peratus daripada populasi penduduk dunia. Di Malaysia, peratus OKU berdaftar sehingga 2022 adalah 2.0 peratus yang mana ianya lebih rendah berbanding anggaran WHO di peringkat global".

Penemuan dalam bidang **kesihatan** menunjukkan bilangan OKU yang menerima rawatan kesihatan meningkat. Bilangan ini meningkat daripada 2,580 orang pada 2021 kepada 3,940 orang pada 2022. Daripada jumlah tersebut, kategori masalah pembelajaran mencatatkan bilangan tertinggi yang mendapatkan rawatan kesihatan iaitu 81.3 peratus.

Dari segi **pendidikan**, bilangan murid di sekolah rendah pendidikan khas pada 2022 meningkat 1.1 peratus kepada 1,477 berbanding 1,461 (2021). Manakala, bilangan murid di sekolah menengah pendidikan khas pula menunjukkan penurunan 2.0 peratus kepada 1,046 berbanding 1,067 dalam tempoh yang sama. Jumlah guru di sekolah rendah dan menengah pendidikan khas keseluruhannya juga menurun daripada 1,310 orang guru (2021) kepada 1,296 orang guru pada 2022.

Dalam sektor **guna tenaga**, penjawat awam OKU yang berkhidmat pada tahun 2022 adalah 3,724 orang meningkat daripada 3,694 orang pada 2021. OKU yang mengalami kecacatan fizikal mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 2,551 orang pada 2022. Berdasarkan kumpulan perkhidmatan, majoriti OKU berkhidmat dalam kumpulan pelaksana iaitu 2,462 orang (66.1%) berbanding 1,258 orang (33.8%) dalam kumpulan pengurusan & profesional dan empat orang (0.1%) dalam kumpulan pengurusan tertinggi. Sementara itu, bagi sektor swasta

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Rabu, 21 Februari 2024**

jumlah OKU yang berkhidmat pada tahun 2022 adalah 3,186 orang, meningkat daripada 1,377 orang pada 2021. Kategori pekerja perkhidmatan dan jualan merekodkan jumlah tertinggi OKU pada tahun 2022 iaitu 956 orang, diikuti oleh juruteknik dan profesional bersekutu (363 orang) dan profesional (276 orang).

Statistik bagi **pendapatan dan perbelanjaan** menunjukkan pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah bagi isi rumah yang mempunyai OKU sebagai ahli isi rumah pada 2022 adalah RM4,390 dan pendapatan isi rumah kasar bulanan purata adalah RM5,679. Sementara itu, perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata bagi isi rumah yang mempunyai OKU merekodkan RM3,974 pada tahun yang sama.

Merujuk kepada **perkhidmatan kebajikan**, terdapat tiga institusi utama bagi OKU di Malaysia iaitu Taman Sinar Harapan, Bengkel Daya dan Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihian. Taman Sinar Harapan merupakan institusi di bawah JKM yang memberikan penjagaan, pelindungan dan pemulihian kepada OKU kategori masalah pembelajaran. Manakala Bengkel Daya merupakan Bengkel Terlindung di bawah JKM yang dikhurasukan bagi OKU tidak berdaya saing untuk mendapat pekerjaan di pasaran terbuka. Selain itu, Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihian ditubuhkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi memperkasa OKU dengan menyediakan latihan vokasional kepada golongan OKU sebagai persediaan menyertai pasaran kerja. Sejumlah 798 orang OKU menghuni di Taman Sinar Harapan pada 2022 dan 78 orang OKU berdaftar sebagai pelatih di Bengkel Daya pada tahun yang sama. Manakala di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihian, Bangi telah menerima sejumlah 80 orang pelatih OKU pada tahun 2022 untuk pelbagai skim latihan.

Statistik Orang Kurang Upaya, Malaysia, 2022 boleh dimuat turun secara percuma di portal Jabatan Perangkaan Malaysia www.dosm.gov.my.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Rabu, 21 Februari 2024**

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercincir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia: 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Rabu, 21 Februari 2024**

Carta 1: Bilangan kumulatif orang kurang upaya (OKU) yang berdaftar mengikut kategori ketidakupayaan, Malaysia, 2021 dan 2022




Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

Nota:

Merujuk kepada rekod pendaftaran di Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Carta 2: Bilangan sekolah, guru dan murid OKU di sekolah pendidikan khas kerajaan Malaysia, 2021 dan 2022



Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

Nota:

Merujuk kepada sekolah rendah dan menengah kerajaan dan bantuan kerajaan

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
21 FEBRUARI 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, 21st February 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
PERSON WITH DISABILITY STATISTICS, MALAYSIA, 2022

674,548 registered disabled persons as of 2022 represent for 2.0 per cent of the Malaysian population, with physically disabled recorded the highest registration at 245,015 persons

PUTRAJAYA, February 21, 2024 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) published the **Person With Disability Statistics, Malaysia, 2022**, the first publication that presents data related to persons with disabilities (PWD) in Malaysia.

This publication covers six areas namely population, health, education, employment, income and expenditure as well as welfare services. The availability of PWD statistics provides input to the government in improving policies and programmes as well as socio-economic needs of the PWD people. Detailed data categorised by theme will provide better information for more targeted planning.

This publication contains 49 tables presenting PWD statistics covering topics related to registration of PWD, access to healthcare and education services, the involvement of PWD in the job market, income and expenditure information as well as the variety of welfare services. This information was obtained from various Ministries and Agencies.

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 21st February 2024**

*The main findings in terms of **population** showed that the total number of registered PWD with the Department of Social Welfare until 2022 was at 674 thousand persons, with 36.3 per cent comprising of PWD in the physical category. This was followed by learning disability category (35.1%) and visual impairment (8.8%). Speech recorded the lowest registration of 0.5 per cent.*

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "In order to obtain the information and data about PWD, several methods can be applied, namely through census, survey and administrative data. The World Health Organization (WHO) has estimated that a total of 1.3 billion people experienced significant disabilities as of March 2023, which was 16 per cent of the world's population. In Malaysia, the percentage of registered PWD until 2022 was 2.0 per cent, which was lower than the WHO estimates globally".

*Findings in the **health** sector showed an increase in the number of PWD receiving healthcare treatment. The number rose from 2,580 persons in 2021 to 3,940 persons in 2022. Out of that, the category of learning disability was the highest in receiving healthcare treatment which accounted 81.3 per cent.*

*In terms of **education**, the number of students in special education primary schools increased by 1.1 per cent in 2022 to 1,477 compared to 1,461 in 2021. Meanwhile, the number of students in special education secondary schools showed a 2.0 per cent decrease to 1,046 as compared to 1,067 during the same period. The overall number of teachers in special education primary and secondary schools also decreased from 1,310 teachers in 2021 to 1,296 teachers in 2022.*

*In the **employment** sector, the number of PWD in public service in 2022 was 3,724 persons, an increase from 3,694 persons in 2021. PWD with physical disabilities were the highest with 2,551 persons in 2022. Based on the group of services, a majority of PWD served under the support group with 2,462 persons (66.1%) as compared to 1,258 persons (33.8%) in the management & professional group and four persons (0.1%) in the top management group. Meanwhile, the number of PWD in the private sector serving in 2022 was 3,186 persons, an increase from 1,377 persons in 2021. The service workers and sales category recorded the*

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 21st February 2024**

highest number of PWD in 2022, which was 956 persons, followed by technicians and associate professionals (363 persons) and professionals (276 persons).

Statistics for **income and expenditure** showed that the median of monthly household gross income for households with PWD as household members in 2022 was RM4,390 and the mean of monthly household gross income was RM5,679. Meanwhile, the average monthly household consumption expenditure for households with PWD recorded RM3,974 for the same year.

Referring to **welfare services**, there are three main institutions for PWD in Malaysia namely Taman Sinar Harapan, Bengkel Daya and the Industrial and Rehabilitation Training Center. Taman Sinar Harapan is an institution under the Department of Social Welfare (JKM) that provides care, protection, and rehabilitation for PWD in the learning disability category. On the other hand, Bengkel Daya is a Sheltered Workshop under JKM specifically designed for non-competitive PWD to gain employment in the open market. Additionally, the Industrial and Rehabilitation Training Center was established by the Ministry of Women, Family, and Community Development (KPWKM) to empower PWD by providing vocational training as preparation for entering the job market. A total of 798 PWD resided in Taman Sinar Harapan in 2022, and 78 PWD were registered as trainees at Bengkel Daya in the same year. Meanwhile, the Industrial and Rehabilitation Training Center in Bangi received a total of 80 PWD trainees in 2022 for various training programs.

Person With Disability Statistics, Malaysia, 2022 can be downloaded for free on the Department of Statistics Malaysia portal www.dosm.gov.my.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 21st February 2024**


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:

- i) Department of Statistics Malaysia: 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Online Enquiries through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, 21st February 2024

Chart 1: Cumulative number of registered persons with disabilities (PWD) by category of disabilities, Malaysia, 2021 and 2022




Note:

Refers to the registration record at Department of Welfare.

Source: Department of Welfare

Chart 2: Number of school, teacher and PWD student in special education school, Malaysia, 2021 and 2022



Note:

Refers to primary and secondary government and government-aided schools.

Source: Ministry of Education Malaysia

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
21ST FEBRUARY 2024**